

Jabatan Penerangan Labuan serah Jalur Gemilang kepada UMSKAL

UB 31.7.2015 B4

LABUAN: Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan menyerahkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan 2015 kepada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Pegawai Penerangan Yahya

Abd Rajak menyerahkan Jalur Gemilang itu kepada Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara, pagi kelmarin.


Yahya yang mewakili Pengarah Jabatan Penerangan

Matteri Marusin, turut menyerahkan bahan bacaan seperti buku dan risalah berkaitan pemimpin dan dasar-dasar kerajaan serta gambar terbaru Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berharap Jalur



GEOFFREY (tiga kanan) menerima bahan bacaan daripada Yahya di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS Labuan.



YAHYA (empat dari kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada Geoffrey (tiga kanan).

Gemilang itu akan dikibarkan di premis jabatan dan agensi kerajaan termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sementara itu, Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, bahan bacaan termasuk buku dan risalah kerajaan terbitan Kementerian

Penerangan itu akan diletakkan di perpustakaan UMSKAL untuk dibaca oleh mahasiswa dan kakitangan serta pensyarah universiti.

"Bahan bacaan itu boleh

menjadi rujukan mahasiswa, kakitangan dan pensyarah UMSKAL bagi menambah ilmu pengetahuan mereka mengenai dasar dan program anjuran kerajaan," katanya.